

prihatin

sentiasa bersama mu


JILID 1

Jan-Feb 2016

**Mengetengahkan Hasil
Karya Seni Tempatan di
dalam Koleksi Kalendar
SPANCO**

**Jangan Biarkan Tayar
Meragut Nyawa Orang
Tersayang!**

**Melancong di Lima
Tempat Terbaik
Kemboja dengan
Nilai Yang Sangat
Berpatutan**



prihatin

sentiasa bersama mu

JILID 1 | JAN - FEB 2016

Sekilas Minda

- 03 Cabaran Dirementasi, Peluang Dikecapi

Yang Perlu Anda Tahu

- 04 Servis Lebih Mudah Dan Pantas Dengan Sistem Kiosk

- 07 Statistik Kemalangan & Saman Untuk Kenderaan Fleet SPANCO

Menjejak Inspirasi

- 08 Mengetengahkan Hasil Karya Seni Tempatan di dalam Koleksi Kalendar SPANCO

Kata Mereka

- 10 Pathia Akui SPANCO Banyak Membantu Kurangkan Beban Kerajaan

Servis itu Penting

- 12 Jangan Biarkan Tayar Meragut Nyawa Orang Tersayang!

Persada Inovasi

- 14 Era Masa Hadapan Mewarnai 2016 dengan Teknologi yang Lebih Canggih


Merakam Catatan

- 16 Rumah Terbuka Tahun Baru Cina SPANCO 2016

Majlis Penyerahan Kereta Sumbangan Kepada Kelab Anak Wawasan Pekan Pahang (KAWAN)

Taklimat Latihan Sistem e-Kereta

- 17 Program Motivasi Dato' Dr. Haji Fadzilah Kamsah ' Merangsang Tenaga & Keronokan Bekerja ' dan Majlis Penyampaian Sijil SKM



Penyerahan Cek Sumbangan kepada Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia

Taklimat Kursus Asas Penugasan Kereta Peronda Polis MPV Siri 1/2016 Kontinjen Selangor

Libur Destinasi

- 18 Melancong di Lima Tempat Terbaik Kemboja dengan Nilai Yang Sangat Berpatutan

Bicara Sihat

- 20 10 Risiko Teknologi kepada Kesihatan

Pilihan Servis Anda

- 22 Perak, Kedah dan Perlis

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888
Faks 03-6192 8999
emel prihatin@spanco.com.my
web www.spanco.com.my
Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013
Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di sebelah. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

CABARAN DIRENTASI, PELUANG DIKECAPI

Selamat datang 2016. Syukur ke hadrat-Nya kerana masih diberi kesempatan untuk terus melangkah dan kekal sebagai penyedia perkhidmatan dalam prasarana fleet di Malaysia. Syabas kepada warga kerja SPANCO yang menjadi tulang belakang dan begitu komited terhadap setiap tugas dan tanggungjawab yang diberi. Terima kasih Kerajaan Malaysia atas sokongan dan kepercayaan yang diberi untuk mengendalikan kenderaan fleet Kerajaan Persekutuan.

2016 adalah satu lonjakan prestasi bagi kami. Satu anjakan baru dengan pelbagai perencanaan telah disusun dengan sasaran meningkatkan mutu khidmat untuk terus memberi kepuasan kepada pelanggan. Hari ini, jumlah fleet terus berkembang dan mencecah melebihi 12,000 unit. Terima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas kepercayaan yang diberi dan sokongan yang berterusan. Berkembangnya jumlah fleet, maka kami berjanji akan terus meningkatkan lagi komitmen terhadap mutu kerja dan khidmat yang disediakan.

Walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam keadaan ekonomi yang semakin merudum, kami tetap berazam untuk terus memberikan nilai yang terbaik dan fleet yang lebih cekap kepada Kerajaan Malaysia sekali gus diharap dapat memberi lebih penjimatan kepada Kerajaan.

Majalah PRIHATIN turut diberi wajah baru untuk memberi lebih keselesaan dan keseronokan kepada anda selain lebih banyak pengisian yang lebih bermanfaat untuk dikongsi bersama.

Pelbagai agenda telah disusun, diatur rapi dan diharap 2016 akan terus membuka lebih banyak peluang dan ruang sekali gus memberi lonjakan kecemerlangan kepada SPANCO bagi menyokong Kerajaan Malaysia dan memberikan yang terbaik kepada semua.

Berkembangnya jumlah fleet, maka kami berjanji akan terus meningkatkan lagi komitmen terhadap mutu kerja dan khidmat yang disediakan.

DATO' HAMZAH MOHD SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif



Servis Lebih Mudah Dan Pantas Dengan Sistem Kiosk

Sistem Perkhidmatan Kiosk telah digunakan secara rasminya serentak di kedua-dua Pusat Servis Wilayah SPANCO di Batu Caves dan di Bangi, Selangor bermula pada 18 November 2015.

Ia direka dan dibangunkan sendiri oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (MIS) dengan kerjasama pembekal General Microsystems Sdn Bhd bagi disepadukan dengan sistem angka giliran sedia ada.

Tujuan sistem ini dijalankan adalah untuk mempercepat dan meningkatkan tahap kecekapan proses pendaftaran pelanggan dan menilai prestasi atau layanan Penasihat Servis terhadap pelanggan.



BAGAIMANA SISTEM BERFUNGSI?

Terdapat 4 menu yang boleh dicapai melalui kekunci pada skrin sesentuh:



Servis / Kemalangan



Temujanji Servis



Pengambilan Kereta



Maklumbalas

1. SERVIS /KEMALANGAN

Pelanggan perlu mendaftar di kiosk untuk mendapatkan nombor giliran.

Isikan maklumat seperti nombor kereta, nombor telefon bimbit dan jarak perbatuan.

Sistem kiosk secara automatik akan memberi nombor giliran yang sesuai melalui maklumat nombor kereta yang dimasukkan. Contoh: jika pelanggan mendaftar kereta peronda polis maka nombor giliran yang lebih utama akan diberi kepadanya kerana servis kereta peronda polis perlu dilayan segera agar anggota peronda dapat menggunakannya semula secepat yang mungkin.

2. TEMUJANJI SERVIS

Pelanggan yang telah membuat temujanji servis untuk mendapat nombor giliran khas pada hari temujanji hendaklah datang ke pusat servis dan memilih menu ini.

Isi maklumat nombor kereta dan nombor telefon bimbit.

Sistem kiosk akan mengenal pasti sama ada temujanji telah dibuat terlebih dahulu atau tidak. Pelanggan juga diberi kelonggaran sehingga 30 minit dari tempoh temujanji, jika lambat lebih 30 minit maka pelanggan akan mendapat nombor giliran biasa.

3. PENGAMBILAN KERETA

Setelah kereta siap diservis, pelanggan perlu mendapat nombor giliran melalui menu ini untuk mengambil kereta.



4. MAKLUMBALAS

Selepas mengambil nombor giliran pengambilan kereta, pelanggan perlu menilai layanan atau prestasi Penasihat Servis SPANCO.

APA KATA MEREKA TENTANG SISTEM INI?

1144811 KOPERAL MULIADI MOKHTAR DARI KEMENTERIAN PERTAHANAN

"Sistem ini lebih senang dan mesra pengguna berbanding sebelum ini. Satu penambahbaikan bagi pusat servis yang tepat pada masanya kerana kaunter-kaunter perkhidmatan yang lain seperti di bank contohnya, juga telah memperkenalkan sistem yang serupa secara meluas."



723205 KOPERAL RAHIMI ABD HAMID DARI FLEET KENDERAAN MARKAS TENTERA UDARA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

"Sistem perkhidmatan layan diri ini lebih cepat dan menjimatkan masa kerana pelanggan tidak perlu lagi memberi butiran yang dikehendaki kepada Penasihat Servis tetapi sebaliknya hanya perlu memasukkannya secara layan diri menggunakan skrin sesentuh yang disediakan. Kekunci navigasi juga sangat mudah dan mesra."



HAFIZ MOHD NOR, PENASIHAT SERVIS SPANCO

"Melalui sistem ini, jadual tugas akan terus dicetak dan pusat servis seterusnya boleh mengetahui jenis servis yang perlu dilakukan. Dari nombor kereta dan perbatuan yang dimasukkan oleh pelanggan semasa pendaftaran, 'work order' akan dicetak dan mekanik akan ditugaskan untuk menyiapkan servis tersebut."

Prestasi dan servis juga dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi melalui maklumbalas yang diterima di dalam sistem."



KELEBIHAN

1

Mengurangkan masa yang diambil untuk pendaftaran antara Penasihat Servis dan pelanggan.



2

Meningkatkan tahap kecekapan dalam mengenal pasti keutamaan pelanggan dengan memberi nombor giliran yang sesuai.

3

Pelanggan dapat memberi maklumbalas tentang prestasi atau layanan Penasihat Servis terhadap mereka.

Tahukah Anda?



Pada peringkat awal SPANCO memulakan operasi, kereta Mercedes Benz dan Volvo telah diperuntukkan untuk pegawai-pegawai JUSA Kerajaan sebagai kereta rasmi jawatan antara tahun 1994 hingga 1997. Bagaimanapun selaras usaha memartabatkan produk tempatan maka kedua-dua model itu telah diberhentikan peruntukannya pada 1997. Keperluan itu digantikan sepenuhnya dengan kereta nasional Proton Perdana sehingga hari ini.






Statistik

Kemalangan & Saman Untuk Kenderaan Fleet SPANCO


Perbandingan Kemalangan Suku Tahunan 2014-2015



- Pada Februari **2016** saiz fleet adalah **12,208 unit**, meningkat daripada **12,030** pada **2015** dan **10,733** pada **2014**.
- Secara amnya, terdapat peningkatan trend dari segi kos pembaikan kemalangan suku tahun ke suku tahun bagi tempoh 2014 dan 2015.
- Kos pembaikan kemalangan untuk suku keempat 2015 adalah yang tertinggi bagi tempoh 2014 dan 2015 iaitu sebanyak **RM2.23 juta**. Manakala purata kos pembaikan untuk suku keempat 2015 adalah yang kedua tertinggi bagi tempoh yang sama iaitu pada **RM3,178** bagi setiap kemalangan.

- Saman tertunggak didapati terus meningkat dari setahun ke setahun.
- Setakat Februari **2016**, sebanyak **49,461** saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan **18,790** saman pihak berkuasa tempatan (PBT) masih gagal dijelaskan oleh pengguna dan pemandu yang menggunakan fleet kenderaan SPANCO.
- Saman tertunggak yang tidak diselesaikan akan mengganggu urusan penggantian kenderaan yang tamat pajakan.
- Pegawai kenderaan, pengguna dan pemandu bertanggungjawab untuk menyelesaikan saman-saman tertunggak tersebut.

Rekod Saman Tertunggak 2011 - 2015



Mengetengahkan Hasil Karya Seni Tempatan di dalam Koleksi Kalendar SPANCO



Di samping menjalankan pengurusan fleet kenderaan untuk Kerajaan Malaysia, SPANCO tidak melupakan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat. Amat meminati karya seni, Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Hamzah Mohd Salleh, yang sentiasa kagum dengan hasil lukisan anak tempatan telah menerbitkan kalendar SPANCO sejak 12 tahun lalu dengan memaparkan karya-karya hebat perupa terkemuka dari dalam negara. Ia juga merupakan salah satu usaha SPANCO menyokong hasil seni tempatan.

Minat yang sama turut dikongsi rakan karib, peguam Pakhrudin Sulaiman yang juga merupakan pengumpul lukisan dan arca dari penggiat seni tempatan. Kalendar SPANCO diilhamkan oleh mereka berdua yang memaparkan karya-karya dari koleksi mereka di mana setiap tahun membawa tema yang berbeza.

Mereka berdua akan sering meluangkan masa bersama bercakap mengenai seni. Antara yang menjadi topik perbualan ialah tentang pembelian 'separuh dari' lukisan-lukisan Yusof Ghani, persaingan untuk mendapatkan sesuatu karya, ataupun bagaimana koleksi Dato' Hamzah telah 'diambil' oleh anak-

anaknya serta keinginan beliau untuk memiliki sebuah lukisan Syed Thajudeen.

"Sekitar bulan Ogos setiap tahun kami akan duduk berbincang mengenai idea untuk kalendar tahun berikutnya. Memang seronok bila bersantai dan menghabiskan masa berjam-jam hanya bercakap mengenai seni. Bermula pada 2004 secara sederhana, ia kini telah menjadi kalendar yang dinantikan oleh para pelanggan SPANCO selain untuk kami memperkenalkan karya perupa tempatan," jelas Dato' Hamzah.

Sementara itu, ibu pejabat SPANCO turut dipenuhi dengan koleksi seni Dato' Hamzah sendiri. Karya-karya Bayu Utomo, Raja Azhar, potret Kow Leong Kiang dan arca Geiger sentiasa segar menggamit perhatian pengunjung dan tetamu ke sana.

Bermula pada 2004 secara sederhana, ia kini telah menjadi kalendar yang dinantikan oleh para pelanggan SPANCO selain untuk kami memperkenalkan karya perupa tempatan.

- Dato' Hamzah Mohd Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif



Kalendar SPANCO Edisi 2016 membawakan tema 'potret diri' memaparkan karya 12 perupa terdiri daripada Bayu Utomo Radjikin, Fadilah Karim, Arif Fauzan, Raja Azhar Idris, Ahmad Fuad Osman, Samsudin Mohamad, Suddin Lappo, Arikwibowo Amril, Paiman, Noor Mahnun Mohamed, Zelin Seah dan Amron Omar menyentuh mengenai potret diri perupa-perupa ini dan menyingkap apa yang tersurat di minda mereka.

Rencana ini dipetik dari tulisan asal di dalam Bahasa Inggeris oleh SARAH NH VOGELER yang diterbitkan dalam akhbar 'New Straits Times' pada 24 Januari 2016. Gambar oleh Shiraz Ali.

Untuk rencana sepenuhnya layari



<http://www.nst.com.my/news/2016/01/124099/local-artists-fore?m=1>

Keratan akhbar
New Straits
Times bertarikh
24 Januari
2016



Pathia Akui

SPANCO Banyak Membantu Kurangkan Beban Kerajaan



Bertugas sebagai Ketua Pembantu Tadbir di Jabatan Kimia Malaysia, Pathia Sakthi Manurung, sememangnya begitu sinonim dengan SPANCO. Beliau telah menggunakan perkhidmatan pengurusan fleet kenderaan itu sejak tahun 90-an lagi bermula dengan Proton Iswara sewaktu berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor di Petaling Jaya dan Jabatan Pertahanan Awam Selangor di Klang hinggalah ke hari ini.

"Saya telah menggunakan khidmat SPANCO ketika di Jabatan Pengangkutan Jalan di Petaling Jaya lagi. Ketika itu, saya bertugas sebagai penyelia di JPJ cawangan Petaling Jaya sekitar hujung 90-an hingga 2004. Waktu itu kami dibekalkan dengan Proton

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak SPANCO kerana membantu dan memudahkan pengurusan pembekalan kenderaan terutama KRJ kepada Pegawai-Pegawai atasan (JUSA), jika tidak Kerajaan perlu mengeluarkan belanja besar untuk membeli kenderaan baharu. Kadangkala proses ini juga akan mengambil masa yang agak lama.

Iswara dan kemudiannya diganti dengan Proton Wira. Semua servis dilakukan (di Pusat Servis SPANCO yang pada masa itu terletak) di Segambut, Selangor.

"Selepas berpindah ke Jabatan Pertahanan Awam kami masih menggunakan perkhidmatan SPANCO. Ketika berpindah ke Jabatan Kimia Malaysia saya

ditugaskan menguruskan semua kenderaan Jabatan termasuk kenderaan yang disewa daripada SPANCO. Di Jabatan Kimia, kami melanggan kenderaan rasmi jawatan (KRJ) dan juga kenderaan saloon bagi kegunaan jabatan (pool car) termasuk untuk semua cawangan di seluruh Malaysia. Sepanjang menggunakan

perkhidmatan SPANCO, servis yang diberikan adalah terbaik, sama ada temu janji untuk servis mahupun ketika kereta mengalami kerosakan," ujar anak kelahiran Pulau Pinang ini.

Menjalankan tanggungjawab sebagai 'Liaison Officer' yang menguruskan kenderaan dan pemandu, Pathia hari ini menguruskan 14 kereta SPANCO di bawah penyeliaan beliau. Baginya SPANCO telah banyak membantu Jabatan Kimia Malaysia dalam mengawal selia fleet kenderaan khususnya.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak SPANCO kerana membantu dan memudahkan pengurusan pembekalan kenderaan terutama KRJ kepada Pegawai-Pegawai atasan (JUSA), jika tidak Kerajaan perlu mengeluarkan belanja besar untuk membeli kenderaan baharu. Kadangkala proses ini juga akan mengambil masa yang agak lama.

Apabila kenderaan telah lama dimiliki, kos penyelenggaraan akan turut meningkat setiap tahun sementara nilai aset pula akan berkurangan. Melalui penyewaan dengan SPANCO, kita dibekalkan dengan kenderaan baharu dan akan diganti setiap lima tahun, ini akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.



"Dengan menyewa kenderaan, Kerajaan Malaysia dapat menjimatkan perbelanjaan dan masa. Ini kerana semua penyelenggaraan telah dimasukkan di dalam sewaan. Jika menggunakan kenderaan beli, Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli kenderaan baharu dan kos penyelenggaraan apabila rosak.

"Apabila kenderaan telah lama dimiliki, kos penyelenggaraan akan turut meningkat setiap tahun sementara nilai aset pula akan berkurangan. Melalui penyewaan dengan SPANCO, kita dibekalkan dengan kenderaan baharu dan akan diganti setiap lima tahun, ini akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan," terangnya lagi.

Beliau turut berpuas hati dengan mutu

perkhidmatan yang disediakan SPANCO. Hasil dari penelitian dan pengalaman beliau sebagai pelanggan, beliau mendapati perkhidmatan yang disediakan makin bertambah baik dan sentiasa dipertingkatkan.

"Harapan saya agar SPANCO akan berkembang maju dan sentiasa menjaga mutu perkhidmatan di masa akan datang. Malah, saya rasa SPANCO mampu memikul tanggungjawab bagi menyelesaikan keperluan fleet Jabatan Kimia di masa hadapan. Saya juga berharap agar pihak SPANCO dapat membekalkan kenderaan penumpang seperti van bagi kegunaan Jabatan yang mempunyai ramai kakitangan."



Jangan Biarkan Tayar Meragut Nyawa Orang Tersayang!

Menjaga tayar merupakan aspek paling utama dan harus diberi perhatian khusus oleh pemandu. Tayar merupakan komponen terpenting untuk sesebuah kenderaan dan mampu menjadi **'pembunuh senyap'** sekiranya diabaikan. Satu tayar bersaiz sederhana berputar kira-kira 550 kali setiap kilometer dan lebih dari 26 juta kali sepanjang hayatnya! Oleh itu, tayar merupakan komponen paling cepat haus berbanding komponen lain. Penjagaan tayar mampu meningkatkan jangka hayat tayar dan menjamin tahap keselamatan ketika memandu seperti mengelak ia dari meletup atau pancit.



PETUA PENJAGAAN TAYAR

Cuba perhatikan bunga tayar kereta anda. Pada longkang antara dua jalur bunga terdapat satu penyambung. Jika ia mencecah paras yang sama dengan jalur bunga bermakna tayar sudah haus dan perlu diganti. Masalah bunga tayar haus atau tidak sekata di bahagian tepi atau tengah berpunca dari penjajaran yang tidak tepat iaitu kedudukan tayar tidak lurus dan stabil.




- Periksa tekanan tayar seminggu sekali. Begitu juga dengan tayar ganti. Tekanan haruslah mengikut saranan pengeluar seperti yang tercatat dalam buku manual dan di bahagian sisi pintu pemandu. Tekanan angin yang salah boleh mempercepatkan kehausan bunga dan memberi kesan kepada cengkaman juga jarak berhenti.

- Tekanan angin berlebihan terutamanya pada tayar yang botak boleh menyebabkan tayar pancit atau meletup. Tekanan angin rendah pula meningkatkan heretan yang boleh mendorong kerosakan struktur tayar, bukan sahaja mengurangkan prestasi tetapi meningkatkan penggunaan bahan api serta pencemaran.

- Untuk memanjangkan hayat tayar, disarankan supaya kedudukan tayar ditukar setiap 10,000 kilometer. Caranya: tayar hadapan kiri ditukar ke kanan belakang dan tayar hadapan kanan ditukar ke kiri belakang.

BILA PERLU MENUKAR TAYAR?

Bila terdapat tanda-tanda seperti botak, retak, goresan dan bengkak maka anda haruslah menukar tayar dengan segera.



Bunga tayar yang telah haus atau kurang dari 1.6 mm tidak mampu membiaskan air justeru kurang cengkaman di samping akan meningkatkan kebarangkalian tayar meletup.



Angin Lebih



Angin Cukup



Angin Kurang

Tayar yang lusuh juga kurang cengkaman apabila keanjalan getah menjadi semakin kurang.

Penggunaan tayar tiruan atau tayar toreh boleh membahayakan keselamatan kerana ia bukanlah tayar yang telah diluluskan oleh pihak berwajib.

APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA TAYAR TERGELINCIR? Perkara pertama adalah dengan tidak membrek secara kuat dan mengejut serta pastikan tekanan brek yang stabil. Kemudian terus memandu ke arah yang anda ingin pergi. Jangan menggunakan brek tangan untuk memberhentikan kereta kerana boleh mengakibatkan kereta berpusing.

APAKAH TABIAT MEMANDU YANG PERLU DIELAKKAN?


- Kekalkan jangka hayat tayar kenderaan anda dengan pemanduan berhemah. Tabiat pemandu boleh menentukan jangka hayat tayar.
- Elakkan pemanduan tidak selamat seperti mengambil selekoh dengan laju, memandu di sisi kaki lima dan melanggar lubang atau lopak.



- Elakkan pecutan mendadak dan brek impulsif kerana ia boleh meningkatkan kadar kehausan dan kelusuan tayar.
- Lakukan pemeriksaan yang kerap pada dinding tayar anda selain penjajaran dan pengimbangan tayar serta suspensi kenderaan.

JARAK YANG SELAMAT UNTUK MEMBERHENTIKAN KERETA

Kebanyakan kita tidak sedar jarak sebenar yang diambil untuk memberhentikan kenderaan. Berikut adalah carta jarak selamat untuk berhenti.



JARAK BERHENTI

30km/j = 3 buah kereta (12 meter)



60km/j = 8 buah kereta (32 meter)



80km/j = 13 buah kereta (53 meter)



100km/j = 18 buah kereta (73 meter)



Panduan jarak berhenti ini adalah untuk kereta yang mempunyai tayar selamat pada permukaan jalan yang kering. Jika tayar haus atau permukaan jalan yang basah maka lebih jauh jarak yang diperlukan untuk berhenti.



Era Masa Hadapan Mewarnai 2016 dengan Teknologi yang Lebih Canggih

Perkembangan teknologi terus bergerak pantas dengan terciptanya pelbagai rekaan hebat yang dahulunya disangka khayalan tetapi kini menjadi kenyataan. Lihat beberapa ciptaan hebat yang dicetuskan untuk 2016 ini.

EHANG 184

Pesawat 'drone' terbaru yang dapat membawa manusia, begitu unik. Mampu membawa beban sehingga 130kg termasuk seorang penumpang dan beg kecil. Penumpang hanya perlu memberitahu destinasi yang hendak dituju dan EHang 184 akan membawanya tanpa perlu kemahiran juruterbang. Ia boleh terbang pada ketinggian maksimum 11,000 kaki dengan kelajuan 97km sejam selama 23 minit.



CHEVY BOLT EV

Kereta elektrik Chevy Bolt EV lima pintu ini menawarkan jarak pemanduan 320km, lebih dua kali ganda dari model lain yang terdapat di pasaran. Direka hebat dengan rekaan luaran yang kemas dan dalaman yang luas selesa untuk pemandu dan penumpang. Teknologi Bluetooth berkuasa rendah akan menyesuaikan kedudukan kerusi, suhu dan aksesori peribadi lain di dalam kabin secara jarak jauh sebaik sebelum pintu dibuka. Boleh dicas semula untuk pemanduan sejauh 145km dalam hanya 30 minit.

OCULUS RIFT

Alat realiti maya VR (virtual reality) dari Facebook ini mempunyai skrin terbina di dalam yang dipakaikan ke kepala. Dicipta khusus untuk penggemar permainan video yang pastinya teruja merasai pengalaman menjelajahi alam maya permainan tersebut. Melalui paparan tiga dimensi dengan kadar kelajuan muat naik yang tinggi, membolehkan pemain menggerakkan kepala pada medan skop penglihatan yang sangat luas. Juga disertakan dengan pengimbas pengesan pergerakan dan 'joystick'.





SAMSUNG FAMILY HUB REFRIGERATOR

Bukan setakat peti sejuk yang menyimpan makanan anda tetapi lebih dari itu. Lihat di luar peti sejuk pintar ini terdapat tablet Android 21.5 inci yang mempamerkan kalendar digital keluarga serta nota dan gambar-gambar anda. Manakala



kamera di dalam peti sejuk merakam apa yang ada di dalam peti supaya anda tahu makanan yang perlu dibeli jika kehabisan. Anda boleh memeriksanya dari mana-mana sahaja secara dalam talian. Lebih menarik, anda boleh mendengar muzik dan menonton televisyen dengannya!



KODAK SUPER 8MM

Sejak 1982, inilah kamera Kodak pertama berukuran 8mm,

menggunakan filem 8mm. Kartij filem pada harga USD80 seunit boleh merekodkan video selama tiga minit pada kualiti yang sukar ditandingi oleh perakam digital. Bagaimanapun perakam audio adalah

digital sepenuhnya menggunakan kad SD yang terletak di hadapan kamera.



FITBIT BLAZE

Jam tangan pintar ini boleh mengesan pergerakan, kadar denyutan jantung dan tidur anda. Ia juga boleh mengetahui secara automatik sama ada pemakainya sedang melakukan aktiviti senaman. Malah, anda juga akan dimaklumkan jika terdapat pesanan, peringatan kalendar dan panggilan telefon dari telefon bimbit anda.

Rumah Terbuka Tahun Baru Cina SPANCO 2016

Pusat Servis Wilayah Batu Caves
Selangor
18 Februari 2016



Majlis Penyerahan Kereta Sumbangan Kepada Kelab Anak Wawasan Pekan Pahang (KAWAN)

Pusat Servis Wilayah Batu Caves, Selangor
24 Februari 2016



Taklimat Latihan Sistem e-Kereta

Pusat Servis Wilayah Bangi, Selangor
16 Februari 2016



Program Motivasi Dato' Dr. Haji Fadzilah Kamsah ' Merangsang Tenaga & Keseronokan Bekerja ' dan Majlis Penyampaian Sijil SKM

The Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur
21 Februari 2016



Penyerahan Cek Sumbangan kepada Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia

Diamond Square Commercial Centre
Kuala Lumpur
15 Februari 2016



Taklimat Kursus Asas Penugasan Kereta Peronda Polis MPV Siri 1/2016 Kontinjen Selangor

Markas Pasukan Polis Marin Wilayah 1 Pulau Indah,
Pelabuhan Klang, Selangor
16 Februari 2016



MELANCONG DI LIMA

TEMPAT TERBAIK KEMBOJA DENGAN NILAI YANG SANGAT BERPATUTAN

Ingin merasai pengalaman melancong di Asia Tenggara dengan bajet yang sangat berpatutan? Apa kata kali ini kita jelajah Kemboja. Satu lagi negara yang sangat menarik dengan peninggalan sejarahnya serta landskap memukau, tepat dipilih sebagai destinasi pelancongan anda kali ini.

ANGKOR ARCHAEOLOGICAL PARK

Salah satu peninggalan sejarah yang diiktiraf Warisan Dunia UNESCO dan merupakan tarikan pelancong terbesar di Asia Tenggara yang sering menjadi kunjungan ribuan pelancong setiap tahun. Di sini juga terletak kuil Angkor Wat dan Angkor Thom.





SIHANOUKVILLE

Juga dikenali sebagai Kompong Som mempunyai enam pantai terindah di sini dengan pasir putih serta kebiruan air laut sememangnya tepat untuk bersantai bersama keluarga. Setiap pantai menawarkan suasana yang berbeza. Jika ingin berkayak atau luncur air, anda boleh ke Pantai Otres yang tenang dan mendamaikan.



KAMPOT

Sangat popular dengan pengeluaran garam dan lada hitamnya, bandar yang terletak di persisiran sungai ini begitu nyaman dengan suasana kampung yang juga dikelilingi dengan bukit bukaunya. Anda juga boleh merasai keterujaan mengayuh basikal sepanjang 20 kilometer untuk melawat bandar lama peninggalan koloni Perancis, Bokor Hill Station.



KOH RONG

Ia merupakan pulau terpencil baharu yang menjadi 'syurga' kepada ramai pelancong. Mempunyai 23 pantai asli, amat indah dengan panorama memukau dikelilingi hutan hijau semula jadi. Malah, anda pastinya teruja menikmati pelbagai aktiviti lain yang menyeronokkan di sini seperti mendaki, menyelam dan 'snorkeling'.



PHNOM PENH

Ibu negara Kemboja yang sangat popular dengan pemandu 'tuk-tuk' dan juga makanan di pinggir jalan. Sememangnya di sini kaya dengan pelbagai juadah tempatan yang menarik dan jangan lupa untuk melawat 'Silver Pagoda' di mana terdapat sebuah patung Buddha diperbuat daripada emas dihiasi berlian. Anda juga boleh menikmati pemandangan yang sangat menarik peninggalan sejarah serta keindahan Sungai Mekong.



Dalam mengejar arus pembangunan, teknologi memainkan peranan penting yang mempengaruhi gaya hidup masa kini. Teknologi menghubungkan manusia dengan pantas. Dari anak kecil hinggalah ke dewasa, masing-masing leka menggunakan peralatan telekomunikasi serba canggih, mencari teman di laman sosial atau berhibur dengan permainan Internet terkini. Namun tahukah anda, ia juga boleh memudaratkan kesihatan dan memberi implikasi buruk kepada gaya hidup kita? Ikuti 10 risiko teknologi kepada kesihatan.

10

RISIKO TEKNOLOGI KEPADA KESIHATAN



+ Facebook boleh mengurangkan **tahap tumpuan**. Walaupun media sosial boleh membantu anda berhubung dengan teman-teman lama dan baharu namun para penyelidik mendapati ia boleh memberi kesan terhadap aktiviti otak. Jadi, kurangkan bersosial di alam maya dan bertemulah teman-teman secara nyata.



+ Komputer riba menyebabkan **masalah tidur**. Terlalu leka dengan komputer riba boleh menyebabkan anda terlena di hadapannya. Selain itu cahaya skrin boleh menahan pelepasan hormon melatonin yang mengawal peredaran tidur kita. Oleh itu, jika anda terasa mengantuk, elakkan dari membuka komputer riba, tablet dan telefon pintar anda. Membaca buku adalah lebih baik.

+ Komputer juga boleh menyebabkan **sakit tengkuk dan belakang**. Bukan hanya pergelangan tangan, hasil penyelidikan turut mendapati komputer juga boleh mengakibatkan sakit pada bahagian tengkuk dan belakang. Jadi, pastikan kedudukan anda selesa semasa menggunakannya. Pastikan juga saiz perkataan di skrin tidak terlalu kecil agar anda tidak perlu membongkok untuk membaca dengan lebih dekat.



+ **Tekanan** akibat telefon pintar. Para penyelidik mendapati telefon pintar boleh menyebabkan tekanan kepada yang sering memeriksanya. Mengharapkan pesanan masuk dari orang yang ditunggu menjadikan mereka berasa tertekan. Hentikan semua ini! Jangan terus-terusan memeriksa pesanan. Tekan butang senyap atau periksa dalam tempoh tertentu sahaja.



+ **Sakit pergelangan tangan** akibat menaip. Kerap menaip pada papan kekunci komputer atau telefon bimbit boleh mengakibatkan sakit pada pergelangan tangan. Pastikan bahagian pergelangan tangan pada kedudukan selesa semasa menaip.

+ Telefon bimbit dan **kemalangan**. Berbual melalui telefon sambil memandu boleh menyebabkan pemandu hilang fokus dan menyebabkan kemalangan jalan raya. Oleh itu, jangan bercakap atau menghantar pesanan ringkas semasa memandu!



+ Internet boleh menyebabkan **kegelisahan**. Semakin ramai yang menggunakan Internet sebagai rujukan untuk masalah kesihatan mereka. Sumber itu kadangkala tidak tepat. Berjumpalah dengan doktor sekiranya anda mempunyai masalah kesihatan bukan merujuk kepada Internet semata-mata.



● **Radiasi** dari telefon bimbit.

Telefon bimbit menghasilkan radiasi yang boleh diserap oleh tubuh manusia. Namun jumlah radiasi yang membahayakan ini masih belum dapat dibuktikan. Berwaspada adalah langkah terbaik bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kepada kesihatan.



'Headphone' boleh menyebabkan kemalangan. Kajian mendapati banyak kejadian nahas yang menimpa penjalan kaki semasa memakai 'headphone'. Ini disebabkan mendengar muzik terlalu kuat sehingga tidak menyedari kenderaan yang lalu lalang sekali gus menyebabkan kemalangan.

● **Jangkitan** dari telefon bimbit.

Hasil penyelidikan mendapati telefon bimbit boleh dicemari dengan pelbagai jenis mikroorganisma yang boleh membawa jangkitan. Sentiasa membersihkan telefon bimbit adalah satu langkah bijak.



Cawangan Proton Edar,
atau Wakil Servis Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

PERAK - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - MANJUNG



PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - MANJUNG

PT:18198 Bandar Baru
Seri Manjung
32040 Manjung, Perak.

Tel 05 688 5900

Faks 05 688 1706

Juruteknik | 8 Orang Hoist | 10 Unit



KEDAH - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - ALOR SETAR



PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - ALOR SETAR

No 210 Jln Gangsa Mergong II
05150 Alor Setar, Kedah.

Tel 04 733 8187 / 733 1132

Faks 04 730 1296

Juruteknik | 18 Orang Hoist | 18 Unit



KEDAH - MERCU USAHA AUTO SERVIS SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR MERCU USAHA AUTO SERVIS SDN BHD

No. 1 Jalan Batu Lintang
Off Lencongan Barat
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tel 04 431 9829

Faks 04 431 1859

Juruteknik | 8 Orang **Hoist** | 10 Unit

PERLIS - CARZTELO AUTO SDN BHD




CARZTELO AUTO SDN BHD

No 67, 68 & 69, Lot 3088
Jalan Bukit Keteri
02400 Baseri, Perlis.

Tel 04 938 3779

Faks 04 938 3778

Juruteknik | 6 Orang **Hoist** | 6 Unit



Tiada gunanya kalau tidak diikat ketat.



**Ikut Topi Keledar Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Ramai penunggang motosikal merasakan bahawa dengan hanya memakai topi keledar sahaja sudah mencukupi tetapi topi keledar yang tidak berikat akan tercabut jika berlaku kemalangan. Memakai topi keledar tanpa ikatan samalah seperti tidak memakainya. Sentiasa ikat topi keledar kerana ia boleh menyelamatkan nyawa anda.

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.